

A Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang betul dalam ayat-ayat di bawah. (SP 5.2.2(i),(ii))

tanah air
setiausaha

jet pejuang
tanggungjawab

papan kenyataan
antarabangsa

anak yatim
jawatankuasa

1. Danial sedang menampal poster Hari Kebangsaan itu pada _____ di belakang kelas.
2. Atlet negara yang mewakili negara ke peringkat _____ harus memiliki semangat yang tinggi.
3. Sebagai rakyat Malaysia, kita hendaklah bersatu padu demi menjaga keharmonian _____ yang tercinta.
4. Hadif berasa teruja apabila dapat menyaksikan pertunjukan _____ semasa sambutan Hari Kebangsaan.
5. _____ kita sebagai rakyat Malaysia adalah menjaga nama baik negara walau di mana jua kita berada.
6. _____ telah ditubuhkan untuk mengurus acara Jelajah Merdeka agar dapat berjalan dengan lancar.
7. Sumbangan wang dan alat tulis ini akan diberikan kepada _____ di Rumah Anak-anak Yatim Bestari.
8. Sebagai _____ Persatuan Sejarah, Nasuha diminta untuk menyediakan laporan tentang sambutan Hari Kemerdekaan yang telah diadakan di sekolahnya.

SP 5.2.2 Memahami dan menggunakan kata majmuk mengikut konteks:
(i) kata majmuk bebas (ii) kata majmuk mantap